# 'DULU ORANG PANDANG KAMI PEMEGANG SIJIL TAK LAKU'

*Lepasan pelajar kolej vokasional cipta kejayaan rangkul Anugerah Pelajaran Diraja UMPSA*

Kuantan

Usaha bekas pelajar Kolej Vokasional itu membuktikan individu berlatarbelakangkan pendidikan kemahiran juga mampu mencipta kejayaan, apabila terpilih menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) di sini, semalam.

Muhammad Ambri Mohd Sha'ari, 24, berkata, beliau sama sekali tidak menyangka akan menerima anugerah itu, namun bersyukur dengan pengiktirafan itu yang dilihat dapat membuka mata ramai pihak berkenaan pencapaian pelajar berasaskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Saya sangat bangga kini, kerana dulu orang luar sentiasa pandang kami sebagai (pemegang) sijil tak laku," katanya pada sidang media memperkenalkan penerima Anugerah Sempena Majlis Konvokesyen UMPSA kali Ke-18 oleh Naib Canselor UMPSA Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin di sini, kelmarin.

Penuntut Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif serta penerima Anugerah Dekan bagi setiap semester dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.94 itu

*Berseronoklah dengan apa yang kita belajar dan buat apa yang kita minat, malah saya juga amalkan empat prinsip iaitu usaha, doa, tawakal dan redo"*

**Muhammad Ambri**

adalah bekas pelajar Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Melaka.

"Berseronoklah dengan apa yang kita belajar dan buat apa yang kita minat, malah saya juga amalkan empat prinsip iaitu usaha, doa, tawakal dan reda.

"Selain itu, pembabitan aktif saya dalam aktiviti sukarelawan membantu mengilap bakat kepimpinan dan pengurusan," kata Muhammad Ambri anak sulung kepada pasangan Mohd Sha'ari Muharam, 56, seorang juruukimpal dan pembantu arkitek Rorita Abdul Rahman, 54.

Lebih membanggakan, impian anak kelahiran Batu Berendam, Melaka itu bakal tercapai apabila anugerah dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan kepujian miliknya itu akan dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Seri Paduka Baginda yang juga Canselor UMPSA dijadualkan menyempurnakan penganugerahan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada 71 penerima pada sidang pertama majlis konvokesyen universiti itu, hari ini.



MUHAMMAD Ambri menerima Anugerah Pelajaran Diraja UMPSA.

Muhammad Ambri yang kini bertugas sebagai Eksekutif Latihan di Perodua Sales Sdn Bhd turut menyimpan hasrat untuk bergelar warga pendidik suatu hari nanti.

"Sekarang saya nak cari pengalaman kerja terlebih dahulu, dan akan menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana malah kalau ada rezeki sampai dapat anugerah doktor falsafah," katanya.

Sementara itu, Yuserrie berkata, majlis konvokesyen ke-18 yang bermula semalam sehingga hari ini dan disambung pada Selasa 24 Oktober ini menyaksikan 4,854 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing termasuk anugerah doktor falsafah.

Beliau berkata, sejak 2006, UMPSA yang dahulunya dikenali sebagai UMP melahirkan seramai 39,664 siswazah dalam pelbagai bidang dengan kebolehpasaran siswazah berjaya melepasi 96 peratus, iaitu 98.6 peratus.

"Selain itu, sekitar 26 hingga 30 peratus pelajar lepasan universiti kami mendapatkan gaji premium iaitu melebihi RM4,000 sebulan," katanya.